

05/04/1999

PM bertugas semula tiga hari lagi

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) di sini sejak Jumaat lalu kerana mengalami jangkitan paru-paru sekembalinya dari Makkah, Rabu lalu.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, Dr Mahathir dimasukkan ke IJN pada jam 8 malam Jumaat lalu dan dijangka menerima rawatan untuk beberapa hari.

Perdana Menteri kini dalam keadaan stabil dan dinasihatkan supaya berehat serta menjalani rawatan sepenuhnya.

Menurut kenyataan itu, doktor juga menasihatkan supaya Perdana Menteri tidak dikunjungi pelawat untuk membolehkan beliau berehat sepenuhnya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Dr Mahathir hanya menjalani rawatan biasa di IJN.

Beliau yang melawat Perdana Menteri di IJN tengah hari ini, berkata Dr Mahathir bertambah sihat dan dijangka kembali bertugas dalam tempoh dua atau tiga hari lagi.

"Keadaan PM sekarang stabil. Tadi saya ke IJN dan bersekempatan bercakap sedikit dengan beliau, dan saya nampak keadaannya bertambah baik," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pramajlis di Parlimen, petang ini.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, Dr Mahathir tidak dapat menghadiri majlis perasmian sesi Parlimen esok dan meminta beliau menggantikan tempatnya.

"Selasa ini, jika (PM) sihat dan boleh, beliau akan membentangkan Kertas Putih mengenai ekonomi di Parlimen," katanya.

Ditanya sama ada kedudukan kesihatan Dr Mahathir menimbulkan kebimbangan rakyat, Timbalan Perdana Menteri berkata, menjadi perkara biasa bagi seseorang yang pernah mengalami pembedahan pemintasan saluran jantung, untuk merujuk semula ke IJN.

Berdasarkan pengalamannya yang pernah menjalani pembedahan itu, Abdullah berkata, memang lumrah untuk pesakit berkenaan mendapat rawatan di IJN apabila mengalami masalah perubatan.

"Jika rawatan itu memerlukan perbelanjaan lebih, maka kena serah kepada IJN untuk menentukannya. Saya pun sudah dua (atau) tiga kali pergi ke IJN kerana mengalami bronchitis atau penyakit asma atau demam," katanya.

Abdullah berkata, Dr Mahathir memerlukan tempoh rehat kerana bergerak aktif ketika mengadakan lawatan ke negeri dan selalu ke luar negara, selain berkempen di Sabah untuk pilihan raya negeri lalu.

(END)